

05 APR 2003

Kelab-Kedah (EMBARGO: Sabtu/5 April)

RAHSIA DI SEBALIK PENUBUHAN KELAB ANAK KEDAH DI KL

Oleh: Abdul Halim Taib

KUALA LUMPUR: Hasrat menubuhkan Kelab Anak Kedah di Lembah Kelang yang sekian lama diimpi-impikan kini direalisasikan setelah ia ditubuhkan pada 13 Mac lepas.

Diinisiatitkan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Kelab Anak Kedah diharapkan mampu menjadi tali penghubung kepada warga Kedah yang bermastautin di sekitar Lembah Kelang yang merasa terasing dan hidup secara tersendiri di perantauan.

Seperti juga Kelab Anak Kelantan, Johor, Perak, Sabah dan Sarawak yang sudah lama ditubuhkan, Kelab Anak Kedah juga berhasrat supaya mereka dapat saling bantu-membantu dalam apa jua bidang yang diceburi.

Pertemuan yang diadakan di Pusat Perdagangan Kedah, Tingkat 30, UBN Tower di sini mendapat sambutan luar jangkaan hingga mendesak penganjur memindahkan majlis itu ke sebuah hotel terkemuka bersebelahan.

Yang dijangka hadir seramai 80 orang, tetapi bilangannya meningkat kepada 400 orang.

ANTARA HARAPAN RAKYAT DAN MENTERI

Namun persoalannya, apakah ada persamaan harapan dan cita-cita antara menteri besar dengan rakyat terhadap tujuan dan matlamat penubuhan kelab itu nanti.

Hakikatnya, mereka yang datang sudah pasti mendambakan sesuatu daripada Syed Razak manakala Syed Razak pula mungkin mengharapakan sesuatu dalam bentuk yang berbeza daripada mereka.

Yang jelas, tindakan kerajaan negeri menggubal Pelan Tindakan Kedah Maju (PTKM) 2010 itu menampilkan kewibawaan Syed Razak mengemudi Kedah menongkah gelora untuk menuju kemajuan dalam masa yang lebih cepat daripada yang dijangka.

Ia turut membuktikan bahawa kerajaan pimpinannya sentiasa peka untuk menunaikan janji-janji yang pernah dibuatnya pada pilihan raya umum yang lepas.

Walau apapun, Pegawai Kewangan Negeri Datuk Ku Nahar Ku Ibrahim ketika membentangkan pelbagai rancangan yang terkandung dalam PTKM 2010 berkata kerajaan negeri giat berusaha menjadikan sektor perindustrian sebagai salah satu penjana utama pertumbuhan ekonomi.

PTKM dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Perhimpunan Agung Umno ke 56 di Pusat Dagangan Dunia Putra 20 Jun tahun lepas.

PELBAGAI PROJEK PENJANA EKONOMI

Ku Nahar menjelaskan, antara projek penjana ekonomi yang sedang dilaksanakan ialah Projek Pembangunan Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam seluas kira-kira 3,470 hektar yang menelan kos sebanyak RM10 bilion.

Ia merangkumi Zon Perindustrian dan Perdagangan Bebas ASEAN, lapangan terbang kargo, pusat komersial dan perniagaan, kawasan perumahan, institusi pengajian tinggi serta kompleks kastam dan imigresen.

Katanya lagi, peruntukan sebanyak RM65.3 juta juga diluluskan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan di Kawasan Industri Berteknologi Tinggi Kulim (KHTP) Fasa 3 yang membabitkan kawasan seluas kira-kira 400 hektar.

Sehubungan itu, Syed Razak dalam ucapannya meminta rakyat Kedah yang berada di perantauan untuk turut serta menjayakan rancangan itu.

Beliau menekankan bahawa pelan itu memberi tumpuan kepada semua sektor

penting seperti industri teknologi maklumat dan komunikasi, pelancongan, pertanian, pendidikan, pembangunan sumber manusia, prasarana, pembangunan usahawan dan sosial.

MENGAJAK PENYERTAAN RAMAI

Dalam nada berjenaka, Syed Razak berkata, "kita cakap dalam bahasa Kedah yang mudah, mungkin tuan-tuan lama tak balik, kalau balik la ni semua ada, dari lebuh raya, lapangan terbang, teknologi tinggi di Kulim hingga ke pusat pengajian tinggi, kita semua ada."

"Tujuan pertemuan ini ialah untuk meminta tuan-tuan sama-sama membangun, memaju dan menikmati hasil daripada projek-projek yang telah dirancang kerana jika saya seorang pemain bola terbaik sekali pun, saya tidak mampu menjaring gol kalau bola tidak berada di kaki."

Di samping itu, beliau turut menjawab beberapa soalan yang diajukan para hadirin yang ingin tahu apa yang bakal mereka perolehi daripada projek itu.

Namun demikian, di sebalik penjelasannya, ramai yang masih kurang jelas tentang tujuan sebenar penubuhan kelab itu dan ada yang membuat andaian bahawa ia tidak lebih daripada untuk meraih sokongan bagi pilihan raya akan datang.

Bagaimanapun, seorang jawatankuasa penaja kelab itu, Baha Azuwan, menyifatkan tujuan penubuhan kelab sangat murni kerana ia memberi peluang kepada rakyat Kedah di Kuala Lumpur untuk sama-sama menikmati apa-apa projek yang dicapai di negeri asal mereka.

Inilah juga satu cara untuk kita mengetahui perkembangan terkini di Kedah secara dekat di samping menjalinkan silaturahim sesama kita, katanya.

Hakikatnya, apa yang tidak diperkatakan ialah bahawa ramai warga Kedah yang mencari nafkah hidup di sini adalah mereka yang berjaya dalam kehidupan dan mereka jugalah yang bakal merealisasikan hasrat Syed Razak untuk membangunkan negeri asal mereka. -- Bernama

HT RR